



M

16 SEP

5)
2/1

KAMAR HAKIM BESAR
TANAH MELAYU
MAHKAMAH AGUNG
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
MALAYSIA
50506 KUALA LUMPUR

Bil:(34)dlm.JK/MA 38

Tarikh: 15 September, 1986.

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
SEMENANJUNG MALAYSIA

Semua Yang Dipertua,
Mahkamah Sesyen,
SEMENANJUNG MALAYSIA

Semua Majistret,
Mahkamah Majistret,
SEMENANJUNG MALAYSIA

Tuan/Puan,

Per: Akaun Deposit di Mahkamah-Mahkamah

Jabatan Kehakiman telah diberitahu oleh Kementerian
Kehakiman Malaysia bahawa dalam tahun 1985 Ketua Odit Negara
telah membuat tinjauan dan kajian berhubung dengan akaun
deposit di dua belas (12) buah Mahkamah Tinggi di Semenanjung
Malaysia untuk memastikan:-

- 1.1 Pengurusan dan kawalan akaun deposit
telah disalenggarakan dengan lengkap
menurut peraturan-peraturan dan undang-
undang yang sedia ada dalam Kaedah-
Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980 dan Kaedah-
Kaedah Mahkamah Rendah, 1986 yang mana
berkenaan.

- 2 -

Dari kajian dibuat, Ketua Odit Negara telah mem-
uat teguran-teguran seperti berikut:-

2.1 Ketua Odit Negara tidak dapat mengesahkan
ketepatan baki akaun deposit mahkamah
oleh sebab:-

2.1.1 Baki-baki deposit yang direkodkan
di dalam buku-buku mahkamah telah
tidak disesurikan dengan buku-buku
Jabatan Akauntan Negara setiap
suku tahun seperti yang telah
ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan.

2.1.2 Baki-baki deposit mahkamah-mahkamah
telah tidak disesuaikan dengan baki
individu. Bagi setengah-setengah
kes penyesuaian telah tidak dibuat
sejak beberapa tahun lalu.

2.1.3 Akaun-akaun kawalan dan akaun individu
bagi deposit-deposit telah tidak
diselenggarakan dengan sempurna.
Bagi setengah-setengah kes, tiada
terdapat bukti yang menunjukkan bahawa
rekod-rekod telah diperiksa dari masa
ke semasa oleh seorang pegawai kanan
mahkamah.

3. Untuk mengatasi perkara tersebut di atas semua
mahkamah di Semenanjung Malaysia dikehendaki mematuhi Nota
Amalan No. 4/1986 yang dikembarkan bersama ini.

(TAN SRI DATO' ABDUL HAMID OMAR)
Hakim Besar Malaya.